

Headline **MIMOS dorong peserta ICT jadi pesaing global**
 Date **20. Nov 2007** Language **MALAY**
 Media Title **Utusan Malaysia** Page No **22**
 Section **Ekonomi** Article Size **142** cm2
 Circulation **238082** Frequency **Daily**
 Readership **833287** Color **Full Color**



MIMOS dorong peserta ICT jadi pesaing global

KUALA LUMPUR 19 Nov. - MIMOS Bhd., pusat penyelidikan aplikasi ICT (teknologi maklumat dan komunikasi) perdana Malaysia, merancang untuk berbincang dengan peserta industri itu dalam suku kedua tahun depan berkenaan pembangunan produk dan perkhidmatan menggunakan platform teknologi bagi membantu mereka supaya berdaya saing di peringkat global.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi itu akan bekerjasama dengan unit ICT dalam koridor ekonomi untuk mengenal pasti peserta berpotensi.

MIMOS, menurutnya, sedang mencari peserta industri dengan bidang kepakaran yang melengkapi platform teknologinya.

la merancang untuk menemui unit

ICT negeri sebelum akhir tahun untuk membincangkan strategi dengan mereka dan melihat platform teknologi terbaik dalam menjalankan aktiviti perdana mereka masing-masing, katanya kepada pemberita pada "Gerbang Media MIMOS 2007" di Langkawi baru-baru ini.

Abdul Wahab berkata, bidang penyelidikan aplikasi MIMOS adalah berdasarkan trend sebenar dengan tumpuan diberikan kepada lapan bidang-ruang siber keselamatan, pengkomputeran grid, tenaga mikro, aplikasi maklumat lanjutan, sistem pendaman maklumat atau imej, teknologi maklumat, sistem mikro dan teknologi pengetahuan.

MIMOS sedang membangunkan platform teknologi supaya ia boleh digunakan dalam bidang teknologi lain - "Pendekatan kami ialah untuk memastikan teknologi yang datang

dari satu bidang teknologi boleh juga digunakan dalam bidang teknologi lain.

Abdul Wahab berkata, antara bidang yang MIMOS rancang tumpukan untuk peserta industri dalam koridor ekonomi ialah pertanian, animasi dan penzahiran maya, penyelesaian enterpris dan keselamatan.

Agensi itu sedang membangunkan sistem pengimbas yang menggunakan aplikasi berasaskan Sistem Mekanikal Elektro Mikro (MEMS) bagi Wilayah Koridor Ekonomi Utara (NCER) bagi penambahbaikan hasil dan kualiti pengeluaran pertanian.

Ia juga berhasrat menawarkan penyelesaian pengkomputeran gridnya untuk kegunaan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) untuk pembangunan industri animasi.

- Bernama